

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur operasi standard (SOP) yang akan dijalankan bagi menangani kes permohonan individu yang tiada kewarganegaraan bagi mendapatkan status kewarganegaraan dan faktor-faktor yang menyebabkan permohonan mereka tidak diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia diproses berdasarkan kepada prosedur pengendalian standard (SOP) yang diperincikan mengikut peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen dan lain-lain. Pertimbangan terhadap fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon dilaksanakan dengan teliti secara *case-by-case* sebelum keputusan dikeluarkan. Dalam hal ini, faktor penolakan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah kerana tidak memenuhi syarat yang diperuntukan di bawah undang-undang semasa yang berkuat kuasa.

SOP permohonan kewarganegaraan terpakai kepada semua pemohon tanpa mengira latar belakang termasuklah individu yang mendakwa dirinya tidak mempunyai sebarang kewarganegaraan (*stateless*). Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mempunyai rekod mengenai individu *stateless* kerana seseorang individu direkodkan dengan taraf sama ada Warganegara atau Bukan Warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku.